

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	28 JUNE 2017

## RCI: Penasihat DAP cuba lindungi Mahathir?

um-28/6/2017 pg. 6

**KUALA LUMPUR 27 Jun** - Tindakan Lim Kit Siang yang sengaja mempertikaikan kredibiliti Pasukan Petugas Khas (PPK) berhubung syor penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berkaitan skandal mata wang asing dilihat sebagai cubaan untuk melindungi Tun Dr. Mahathir Mohamad yang kini disifatkan sebagai 'kuda tunggangan' Pakatan Harapan.

Penganalisis politik, Raja Petra Kamarudin berkata, ini kerana Penasihat DAP itu sedar tanpa 'menggunakan' bekas Perdana Menteri itu, Pakatan Harapan yang diketuai DAP berdepan laluan sukar pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) kerana ketandusan pemimpin berkaliber.

Menurut Raja Petra, pembangkang tidak mempunyai peluang cerah sekiranya mereka diketuai

oleh Mohamad Sabu (Presiden PAN) atau Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail pada pilihan raya tersebut.

"Kit Siang bimbang terhadap apa yang bakal diselongkar oleh RCI. Beliau sedang cuba mencari kesilapan PPK supaya dapat membuat dakwaan kononnya berlaku ketidakadilan, meskipun suruhanjaya itu masih belum memulakan siasatan.

"Beliau (Kit Siang) perlu menyelamatkan Dr. Mahathir dengan mewujudkan keraguan terhadap siasatan awal PPK. Jika tidak, beliau akan kehilangan 'kuda tunggangan' terpentingnya," menurut Raja Petra dalam blog *malaysia-today.net* hari ini,



**RAJA PETRA**

Mengulas lanjut, kata Raja Petra, sikap ditunjukkan oleh Kit Siang tersebut jelas bercanggah dengan apa yang dibangkitkan pada 1994 iaitu ketika pentadbiran Dr. Mahathir apabila beliau bermati-matian mahu RCI ditubuhkan bagi menyiasat dakwaan skandal mata wang asing.

Raja Petra percaya, hasil siasatan yang bakal dirungkai oleh RCI bukan setakat kehilangan RM30 bilion, malah beberapa kemungkinan lain termasuklah kerugian itu sebenarnya dicuri dan ditempatkan di dalam 480 buah syarikat dan perniagaan milik Dr. Mahathir dan anak-anaknya.